

29/09/1999

Pemuda tekad pertahan kewibawaan bangsa

Zulkofli Jamaludin

KONSEP Barisan Nasional (BN) yang ditunjangi nilai-nilai kesederhanaan dan toleransi jelas dipaparkan pada konvensyen Pemuda yang bertema Kecemerlangan Asas Generasi Wawasan. Konvensyen itu bukanlah retorik atau acara tahunan untuk mengumpulkan pemuda. Ia menjadi medan untuk memperkukuhkan kerjasama, iltizam dan merancang strategi terbaik untuk menghadapi pilihan raya umum nanti.

Kesungguhan itu dibuktikan apabila peserta yang menghadiri konvensyen, menjalani latihan simulasi sehingga lewat malam mengambil ketetapan dan bertekad untuk memperkasa keperibadian, pemikiran, sikap, ilmu, pendidikan dan keagamaan. Mereka juga berikrar meningkatkan perpaduan dan persefahaman sesama ahli serta rakyat dan berazam memperkukuhkan BN sebagai satu-satunya wadah politik yang mampu membawa pembelaan dan kestabilan sosial kepada rakyat negara ini.

Pengerusi Pemuda BN, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata Pemuda yang sudah bersedia turun ke padang untuk membantu mengulangi kejayaan BN dalam pilihan raya nanti berjanji mengangkat martabat negara dalam segala bidang supaya Malaysia mampu turut serta dalam proses penetapan agenda perdana dunia.

Serentak itu, Pemuda bersumpah untuk mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara daripada perkembangan sejagat yang bertentangan dengan kepentingan nasional, terutamanya yang didalangi pihak asing.

Menurutnya, Pemuda juga berazam untuk memastikan hasrat serta impian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menjadikan Malaysia maju, bukan saja dalam bidang ekonomi, tetapi juga sosial, politik, pembangunan rohani dan budaya, mencapai kejayaan.

Sehubungan itu, Hishammuddin memberi perakuan, selagi beliau mengetuai pergerakan Pemuda, beliau dan rakan-rakannya akan mempertahankan apa yang sudah dimiliki dan diwarisi sejak sekian lama dengan bijaksana selaras konsep kerjasama BN bagi mengekalkan keamanan, kestabilan dan pembangunan ekonomi masyarakatnya.

Dasar itu yang kini dikagumi rakyat asing membolehkan negara memupuk dan mengekalkan perpaduan rakyat berbilang kaum. Ini kerana tanpa perpaduan tidak akan wujud kestabilan dan tanpa kestabilan sudah tentu tiada pembangunan. Tanpa pembangunan pula tidak mungkin ada kekayaan negara untuk diagih-agihkan.

Untuk memupuk perpaduan, negara perlu memperkukuhkan sistem pendidikan dengan mengajar mata pelajaran kenegaraan di semua peringkat, termasuk dari pra-sekolah. Langkah itu dapat memastikan pelajar dan remaja memahami sejarah, sistem pentadbiran dan wawasan negara secara terperinci serta tepat bagi mengukuhkan semangat patriotisme dalam perspektif yang betul.

Usaha bersepadu juga perlu untuk melahirkan rakyat yang berfikiran kritis, kreatif dan inovatif supaya mampu menghadapi pelbagai cabaran alaf baru dengan berkesan. Matlamat itu boleh dicapai kerana Malaysia sudah meletakkan asas yang kukuh kepada proses pembinaan bangsa dimulakan dengan bijaksana dan bersungguh-sungguh oleh pengasas negara melalui konsep pemuafakatan dan perkongsian kuasa. Hasilnya, Malaysia kini sudah memperlihatkan keupayaan rakyat untuk memajukan negara mengikut acuan sendiri.

Setiap rakyat perlu memiliki ketahanan diri kerana alaf baru menjanjikan seribu satu cabaran, khususnya generasi muda membuat persiapan bersungguh-sungguh mulai sekarang.

Menyedari hakikat itu, konvensyen Pemuda dianggap tepat pada masanya kerana alaf baru menampilkan pelbagai cabaran yang harus difahami dan ditangani dengan cermat serta teliti. Sambil memanfaatkan sepenuhnya kebaikan yang ada, kesan negatifnya harus dielakkan daripada menjejaskan agenda negara bagi membolehkan rakyat terus menikmati kemakmuran pada abad ke-21.

Fenomena seperti ledakan maklumat, globalisasi, liberalisasi dan deregulasi dunia menampilkan pelbagai cabaran yang perlu ditangani dengan teliti. Dalam era itu, Malaysia juga perlu mengukuhkan hubungan kerjasama serantau untuk menentukan agenda dunia abad baru selaras usaha mewujudkan blok Asia yang bersatu.

Dalam era kesejagatan ini, usaha awal yang dirintis kerajaan perlu dipertingkatkan serta disusuli dengan lebih bersungguh-sungguh seperti yang disarankan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, ketika menyampaikan ucapan tama pada konvensyen itu.

Timbalan Perdana Menteri mengingatkan rakyat bahawa dunia sudah tidak ada sempadan dan mahu bangsa Malaysia jangan berasa terpencil. Kita mesti mampu dan yakin untuk bersama bangsa yang maju menentukan agenda dunia. Ini kerana generasi terdahulu sudah mengasaskan penubuhan Asean dan generasi semasa memperkukuhkannya sebagai satu blok kerjasama serantau sehingga menggabungkan 10 negara.

Sehubungan itu, dengan kemudahan teknologi dan perhubungan yang semakin canggih, dibantu dengan taraf pendidikan lebih tinggi yang diperolehi generasi muda, hasrat untuk mewujudkan bangsa Malaysia cemerlang lebih mudah dicapai. Negara juga cukup kemudahan prasarana pendidikan untuk setiap warganya yang mahu meneroka ilmu hingga berupaya menjadi pusat kecemerlangan pendidikan bertaraf antarabangsa.

Semua kemudahan dinikmati sekarang adalah hasil pentadbiran kerajaan yang berjaya membawa kemakmuran, keadilan, bersatu dan harmonis berasaskan kepada penerimaan realiti masyarakat berbilang kaum, budaya dan bahasa. Semua itu dibina melalui usaha dan keringat dengan pengorbanan serta kesungguhan. Ia bukan terus tercipta dengan menggilap lampu Aladdin. Namun, apa yang dibina boleh diruntuh atau dimusnahkan melalui satu serangan, tidak semestinya datang dari musuh luar, tetapi musuh dalaman yang pastinya membawa kegembiraan kepada pihak luar.

Serentak itu, Pemuda memberi jaminan dan ingin memastikan suara yang menyerang institusi kehakiman, perundangan, penguatkuasaan dan saluran media utama tidak menghakiskan keyakinan hingga martabat kerajaan pilihan rakyat boleh dilunturkan.

Malah, tindakan menyerang institusi asas kerajaan melalui penyebaran fitnah dan menidakkan jasa kerajaan akan ditentang habis-habisan untuk mengelak ia menghancurkan kewibawaan bangsa yang dibina selama ini.

Pemuda yakin sebahagian rakyat negara ini tentu sedih kerana budaya fitnah kini seolah-olah dihalalkan hingga ada generasi muda yang menolak kebenaran sekali pun ia membawa cerita baik dan kejayaan negara. Menerima lebu percaya kepada fitnah meski pun boleh membawa masalah kepada diri mereka. Budaya fitnah adalah barah amat bahaya yang kini mula meresap dan merebak sehingga bukan saja pemimpin akan terkorban, malah seluruh institusi yang dibina.

Bagi mengelaknya, semua lapisan rakyat perlu sentiasa beringat bahawa perpaduan kaum yang dibina akan turut musnah dalam tempoh singkat jika ada pihak sedia melakukan tindakan yang tidak bertanggungjawab. Sebab itu, fokus kerajaan sebenar bukan pembangkang yang sering memburuk-burukkan kerajaan, tetapi cabaran alaf baru, termasuk kuasa asing yang cuba campur tangan untuk menentukan kepemimpinan sesebuah negara.

Bagaimanapun, bagi Hishammuddin, rakyat tidak perlu runsing dan menjadi gelabah terhadap pelbagai tuduhan serta fitnah pembangkang dan kuasa

asing, kerana ia adalah budaya mereka dari dulu hingga sekarang.

Selain fokus politik, Pemuda juga perlu memastikan faedah pembangunan negara benar-benar dinikmati rakyat di semua peringkat, terutama golongan miskin. Perkara itu perlu diberi tumpuan oleh Pemuda, termasuk cabaran alaf baru yang menuntut iltizam sepenuhnya daripada semua rakyat. Kita tidak mahu Pemuda hanya bersemangat ketika berkovensyen dengan mengeluarkan perakuan yang panjang lebar, tetapi dari segi pelaksanaan tertinggal di belakang.

(END)